


Gara-gara tak puas hati

5 Disember 2017

Gara-gara tak puas hati

Lelaki upah rakan serang pesaing perniagaannya dengan parang



Parang yang dipercayai digunakan dalam pergaduhan.

NURUL ATIQ AHMAD BANDI

PORT DICKSON - Polis menahan empat lelaki dipercayai terlibat dengan kes pergaduhan dengan seorang lelaki kurang dua jam selepas kejadian di kawasan industri di Bukit Pelandok sekitar jam 6 petang, kelmarin.

Ketua Polis Daerah, Superintendan Zainudin Ahmad berkata, empat lelaki berusia antara 34 hingga 49 tahun kini direman polis untuk siasatan lanjut.

Siasatan awal polis mendapati, pergaduhan berpunca daripada persaingan dalam perniagaan.

"Suspek berusia 49 berniaga minuman keras dan makanan ringan berkonsepkan meja payung di kawasan industri berkenaan dan pendapatannya merosot selepas mangsa membuka perniagaan

INFO • Mangsa berusia 32 tahun cedera di kepala dan pergelangan tangan selepas diserang

an sama di kawasan itu.

"Suspek kemudian merancang untuk menyerang mangsa, pada Sabtu lalu dia menghubungi rakan-nya yang juga suspek kes ini bagi melaksanakan jenayah berkenaan.

"Suspek memberi upah RM1,000 kepada suspek (rakannya) untuk menyerang mangsa," katanya.

Zainudin berkata, insiden pukul berlaku sekitar jam 4 petang hari Ahad di kawasan industri Bukit Pelandok.

"Tiga suspek yang datang ke kawasan perindustrian Bukit Pelandok, dua



Barang yang dirampas polis dari suspek.

daripadanya bertindak menyerang mangsa dengan parang sementara seorang lagi menunggu di dalam kereta.

"Mangsa berusia 32 tahun cedera di kepala dan pergelangan tangan selepas diserang kini sedang dirawat di Hospital Tuanku Jaafar, Seremban.

"Polis bertindak menngesan suspek selepas menerima aduan kejadian," katanya.

Zainudin berkata, pada jam 6 petang hari yang sama polis berjaya menngesan ke-

retanya yang dinaiki suspek.

"Polis dari Jabatan Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah Port Dickson dan dua kenderaan peronda polis telah mengejar kereta suspek, Toyota Camry berwarna perak.

"Polis berjaya menahan tiga suspek berhampiran Plaza Tol Port Dickson Utara Seremban.

"Polis turut merampas beberapa barang suspek termasuklah sebilah parang panjang berhulu plastik warna biru dan sebilah parang



Empat suspek yang berjaya ditahan polis.

panjang berhulu plastik warna hitam di dalam kenderaan tersebut dipercayai digunakan untuk tujuan jenayah tersebut," katanya.

Zainudin berkata, susulan tangkapan tiga suspek itu, membawa polis kepada penahanan seorang lagi suspek pada 10.15 malam di sebuah kedai tidak bemombor di Bukit Pelandok dipercayai *mastermind* dalam insiden gaduh ini.

"Bersamanya polis merampas beberapa barang untuk membantu siasatan antaranya 21 botol arak pelbagai jenama dan 24 kotak rokok pelbagai jenama,"

katanya.

Zainudin menambah, tiga daripada empat suspek mempunyai rekod jenayah lampau antaranya membabitkan Akta Dadah Berbahaya, jenayah berkaitan kes culik, pemerasan, mencuri kenderaan dan pelbagai jenayah lain.

"Berkaitan kes pergaduhan ini, suspek disiasat di bawah Seksyen 326 Kanun Keseksaan kerana mendatangkan kecederaan.

"Berdasarkan pengakuan awal dengan polis, keempat-empat suspek mengakui perbuatan jenayah mereka," katanya.